

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG
[PETALING JAYA]
TARIKH : 23 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dari 20% hingga ke sasaran 40% memandangkan masih terdapat isu kekerapan waktu tren yang rendah di waktu puncak serta kekurangan jumlah tren dan bas untuk menampung pengguna yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam sebagai perkhidmatan yang penting kepada rakyat sama ada di Lembah Klang atau di luar bandar.

2. Antara perkara penting dalam usaha meningkatkan penggunaan pengangkutan awam adalah penyediaan rangkaian pengangkutan awam yang komprehensif, hentian bas yang selesa, laluan pejalan kaki yang selamat, serta lorong bas yang khas untuk meningkatkan kekerapan perkhidmatan bas.

3. Pihak Prasarana Malaysia Berhad telah melaksanakan beberapa usaha untuk meningkatkan kekerapan perkhidmatan tren. Bagi Laluan LRT Kelana Jaya, tiga tren empat gerabak telah memulakan operasi pada bulan September 2023 dan baki 16 tren lagi akan diterima secara berperingkat sehingga Disember 2024 di bawah projek Kuala Lumpur Additional Vehicles 27 (KLAV27). Susulan ini, kekerapan Laluan LRT Kelana Jaya pada waktu puncak telah bertambahbaik dari 4.4 minit pada Disember 2022 kepada 3.8 minit pada September 2023 dan dijangka mencapai kekerapan 3 minit menjelang penghujung Oktober 2023. Bagi laluan MRT Kajang, penggantian roda tren sedang dilaksanakan dan kekerapan tren pada waktu puncak disasarkan bertambahbaik dari 6 minit kepada 4 minit pada penghujung Januari 2024.

4. Selain itu, Prasarana sedang melaksanakan beberapa inisiatif untuk LRT Laluan Kelana Jaya dan MRT Laluan Kajang termasuk program khas bagi membaik pulih komponen tren yang kerap mengalami masalah seperti penukaran tayar tren dan aktiviti penyelenggaraan yang berfokuskan kepada punca kegagalan tren semasa operasi untuk meningkatkan ketersediaan tren.

5. Seterusnya, projek *Overhaul and Midlife Refurbishment* untuk tren LRT Laluan Kelana Jaya dan MRT Laluan Kajang juga sedang dalam

perancangan serta perolehan oleh Prasarana dan pemilik aset, MRT Corporation.

6. Di Lembah Klang, pengendali bas utama Rapid Bus Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana yang mengendali perkhidmatan RapidKL, sedang berusaha untuk meningkatkan jumlah bas dalam perkhidmatan. Pada April 2023, Prasarana telah mengumumkan kenaikan elaun jurubas untuk menarik lebih ramai pemandu dan latihan pemandu juga sedang dipercepatkan untuk menyelesaikan masalah kekurangan pemandu. Pada Julai 2023, Prasarana telah mengeluarkan Request for Proposal untuk 310 bas diesel dan juga cadangan untuk outsource laluan bas tertentu. Rapid Bus juga dalam proses untuk merangka rancangan jangka panjang untuk memantapkan lagi mutu perkhidmatan bas.

7. Kerajaan juga dalam kerangka untuk melesenkan perkhidmatan '*bus on demand*' sebagai satu alternatif dan pilihan kepada pengguna sesuai dengan gaya hidup dan keperluan masa masing-masing yang berbeza-beza. Secara keseluruhannya, kepelbagaian alternatif pengangkutan awam ini akan dapat memenuhi tuntutan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien dan boleh diharap.

8. Sebagai tambahan, selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet Keselamatan dan Kesesakan Jalan Raya pada 12 Oktober 2023, a 12 Oktober 2023, sebanyak 356 hentian bas di Lembah Klang akan dinaiktaraf secara berperingkat dan pembinaan laluan pejalan kaki baharu di 36 lokasi telah dikenalpasti untuk menambahbaik pengalaman penggunaan pengangkutan awam. Lorong bas percubaan di Jalan Ampang juga telah menunjukkan hasil yang menggalakkan dengan penambahan pengguna purata sebanyak 12 peratus setakat September 2023 untuk Bas RapidKL 300 yang menggunakan laluan tersebut. Jawatankuasa Kabinet telah mengambil ketetapan untuk memperluaskan lorong bas di Jalan Ampang dan melaksanakan tiga lagi laluan khas bas di Jalan Cheras-Loke Yew, Jalan Kuching dan Jalan Genting Klang.

9. Bagi pengangkutan rel yang dikendalikan oleh KTMB, antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kekerapan

NO. SOALAN: 19

waktu perkhidmatan tren seperti penggunaan tiga (3) set Electric Multiple Units (EMU) bagi meningkatkan kekerapan Perkhidmatan KTM Komuter di sektor utara, melanjutkan Perkhidmatan KTM Komuter bagi laluan Butterworth ke Padang Rengas sehingga ke Ipoh, memperkenalkan laluan baru bagi sektor Pantai Timur iaitu Gemas ke Kuala Lipis, perolehan 10 set Electric Train Set (ETS) baharu yang dijangka akan digunakan secara berperingkat mulai bulan Disember 2024, perolehan 12 set EMU baharu 3-koc untuk menambahkan kekerapan Perkhidmatan KTM Komuter di sektor utara dan menaiktaraf landasan di Lembah Klang bagi Fasa 1 dan Fasa 2 sedang giat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.